

**KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA
MENGENAI SEMAKAN SEMULA HARGA GAS ASLI
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi negara, harga gas asli kepada sektor bukan elektrik disemak semula setiap enam (6) bulan untuk mengurangkan secara beransur-ansur tanggungan subsidi harga gas oleh Kerajaan.
2. Sehubungan itu, kerajaan telah memutuskan bahawa berkuatkuasa 1 November 2014, tarif purata gas asli Gas Malaysia Berhad (GMB) dinaikkan sebanyak RM0.45/mmBtu atau 2.33% daripada RM19.32/mmBtu kepada RM19.77/mmBtu. Jadual kategori tarif gas asli GMB yang diluluskan adalah seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Baru Mulai 1 Nov 2014 (RM/mmBtu)
A	Pengguna Domestik	19.52	19.52
B	0 - 600	20.61	21.00
C	601 - 5,000	17.64	18.19
D	5,001 - 50,000	18.14	18.55
E	50,001 - 200,000	19.00	19.44
F	200,001 - 750,000	19.18	19.63
L	Melebihi 750,000	19.65	20.11
Purata		19.32	19.77

SURUHANJAYA TENAGA
29 Oktober 2014